

15/05/2001

Orang ramai sokong gantung skim anuiti

KUALA LUMPUR, Isnin - Orang ramai menyambut baik keputusan kerajaan menggantung sementara pelaksanaan Skim Anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sehingga keputusan kajian diperoleh bagi menentukan siapa yang berhak melaksanakannya.

Tinjauan Berita Harian mendapati, ramai warga kota berharap kerajaan menyerahkan tugas pengendalian skim anuiti itu kepada KWSP dan bukannya syarikat syarikat insurans yang dilantik.

Seorang kakitangan swasta, Othman Hashim, 47, berkata penggantungan skim itu wajar dilakukan kerana ia kurang memberi manfaat kepada pencarum selain pemberian bonusnya yang tidak terjamin.

"Saya berpendapat lebih baik pekerja mengekalkan wang dalam KWSP berbanding menyertai skim anuiti yang ditawarkan syarikat insurans yang dilantik mengendalikannya," katanya.

Kakitangan swasta, Zamri Talib, 30, berkata skim itu bukan saja perlu digantung pelaksanaannya malah wajar dipinda supaya pekerja mendapat kadar pulangan lebih baik dan pendapatan bulanan yang tinggi sepanjang tempoh persaraan.

"Saya berharap skim itu dimansuhkan jika kerajaan memutuskan panel syarikat insurans mengendalikan sepenuhnya wang simpanan pencarum," katanya.

Menurutnya, menerusi skim itu, pekerja dikehendaki membayar premium yang tinggi terutama bagi mereka yang berumur 40 tahun ke atas.

"Bayaran premium itu wajar diturunkan tanpa mengurangkan faedah kepada pekerja, jika skim itu diteruskan," katanya.

Khamis lalu, kerajaan memutuskan untuk menggantung sementara Skim Anuiti KWSP sehingga keputusan kajian dikeluarkan.

Berikutan itu, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menangguhkan piket yang dijadualkan Sabtu ini sebagai membantah cara pengurusan wang KWSP selepas mendapat jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menimbang tiga daripada tujuh tuntutan termasuk kajian terhadap skim itu.

Sehubungan itu, Pengurus Perhubungan Awam KWSP, Nik Affendi Jaafar, berkata dengan penggantungan itu, semua urusan permohonan pengeluaran mengikut skim terbabit akan dibekukan sehingga Lembaga KWSP membuat keputusan mengenai kajian berkenaan.

Seorang pengurus jualan, Kamarul Zaman Bakar, 38, berpendapat pencarum yang tidak mengeluarkan simpanan mereka dalam KWSP lebih mendapat keuntungan berbanding yang menyertai skim anuiti.

"Tindakan KWSP memberi kebenaran kepada pencarum menyertai skim itu juga tidak bertanggungjawab kerana fungsi KWSP adalah membantu pencarum selepas mereka bersara kelak.

"Saya rasa, skim yang ditawarkan kepada pencarum itu jelas tidak membantu pencarum selepas bersara kerana ia merugikan," katanya.

Seorang kakitangan swasta, Mohd Radhi Abdul Rahman, 38, berkata KWSP sepatutnya bertanggungjawab mengendalikan skim berkenaan tanpa perlu menyerahkan tugas kepada panel syarikat insurans.

"Tindakan MTUC mempertikai langkah kerajaan menswastakan skim anuiti memang wajar kerana ia dilihat lebih memberi manfaat kepada syarikat insurans berbanding ahli KWSP," katanya.

Peniaga, S Kalidasal, 23, berkata penggantungan skim itu wajar bagi memberi tempoh kepada kerajaan membuat keputusan berhubung penswastakan

skim anuiti.

"Apa pun, skim itu skim pilihan bukan wajib, justeru terpulang kepada pencarum untuk menilainya dengan lebih mendalam sama ada ingin menyertainya atau tidak.

"Simpanan dalam KWSP adalah pelaburan manakala skim anuiti adalah insurans...kita tidak boleh bandingkan kedua-duanya.

"Jadi keputusan untuk menentukan siapa yang berhak mengendalikan skim itu perlu diteliti dengan sewajarnya," katanya.

(END)